

Saya Punyai Visi Jelas Untuk Negara - Najib
mStar Online
Mac 22, 2012

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mempunyai visi yang jelas dan memahami apa yang perlu dicapai untuk negara.

"Tetapi untuk melihatnya berlaku, kita perlu menang dalam pilihan raya umum akan datang," katanya dalam satu temuramah bersama stesen radio 988 FM pada Khamis.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai "teman yang baik" dalam politik, Najib berkata, beliau mempunyai teman-teman yang bersamanya yang bersedia untuk mengetepikan agenda politik dan bermatlamatkan untuk yang lebih baik.

Bagaimanapun, beliau berkata, ramai pihak yang mempunyai kepentingan dan matlamat dalam politik.

"Katakanlah, seorang wakil rakyat itu tidak diingini, saya perlu mendengar rakyat. Tetapi apa yang diamati, saya akan dipersalahkan sekiranya membuat gesaan mengenainya" katanya kepada para pendengar.

Beliau menjelaskan bahawa sekiranya (kedudukan) seseorang ahli politik telah merundum, ia disebabkan rakyat telah hilang keyakinan terhadapnya.

"Mereka tidak seharusnya menyalahkan pemimpin," katanya dalam sesi temuramah bersama penyampai radio, Tan Yi Hui dan Sam Mak.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd
Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/22/mstar_berita/20120322111717&sec=mstar_berita